



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 46

Rabu

15 November 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Kes Penipuan Melibatkan Syarikat Pelancongan Tempatan**
– *YB. Tuan Su Keong Siong (Ipoh Timur)* [Halaman 1]

- **Penipuan dan Modus Operandi**
Syarikat Sunner Group International Berhad
– *YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)* [Halaman 5]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 15 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA
*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Kes Penipuan Melibatkan Syarikat Pelancongan Tempatan

2.34 ptg.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, terdapat kes penipuan yang melibatkan syarikat pelancongan tempatan di mana wang-wang yang dibayar oleh pelancong-pelancong kepada syarikat pelancongan telah diseleweng dan menyebabkan kerugian dan kesusahan kepada pelancong-pelancong. Pada bulan Mac 2017, sekumpulan pelancong tempatan yang terdiri daripada 18 orang telah dianiayai dan ditipu oleh Syarikat Orange Harmony Tours Sendirian Berhad apabila wang-wang yang dibayar untuk pakej pelancongan ke Zhangjiajie, China selama lapan hari enam malam di Zhangjiajie, China telah diseleweng dan atau dilesapkan oleh Syarikat Orange Harmony Tours Sendirian Berhad tersebut.

Tuan Yang di Pertua, fakta adalah bahawa 18 orang pelancong telah membayar wang kepada syarikat pelancongan tersebut untuk pakej pelancongan ke China. Apabila mereka sampai di negara China, mereka telah diberitahu oleh ejen di sana bahawa Syarikat Orange Harmony Tours Sendirian Berhad telah gagal untuk membayar wang untuk pakej pelancongan mereka dan mereka tidak dapat balik ke Malaysia kecuali mereka membayar semula wang sebanyak RM 3,670 setiap orang.

Secara keseluruhan, 18 orang pelancong tempatan terpaksa membayar jumlah wang sebanyak RM60,205 kepada ejen di China agar mereka dapat balik kembali ke tanah air dengan selamatnya. Satu laporan polis bersangkutan Balai Polis Pekan Bahru

Nombor 002333/17 telah dibuat oleh salah seorang mangsa kes penipuan telah dibuat oleh Cheah Siew Fong pada 10 Jun 2017.

Justeru itu, saya memohon penjelasan daripada kementerian berkenaan hasil siasatan polis terhadap kes ini dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam kes penipuan ini. Adakah tindakan telah diambil terhadap pengarah-pengarah yang mengambil kesempatan terhadap mangsa-mangsa kes penipuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai jumlah aduan-aduan penipuan kes seumpama ini yang melibatkan syarikat-syarikat pelancongan tempatan, hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan aduan-aduan kes tersebut dalam tempoh tahun 2013 sehingga September 2017. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2.37 ptg.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timur, perkara pertama yang ingin saya tekankan di sini adalah Syarikat Orange Harmony Tours Sendirian Berhad tidak mempunyai bidang perniagaan "*outbound*" iaitu bagi menjalankan perniagaan pelancongan ke luar negara. Perkara ini dengan jelas menunjukkan bahawa syarikat tidak boleh dan tidak sepatutnya mengelola sebarang pakej pelancongan ke China kerana ia tidak mempunyai lesen bidang tersebut dan status ini boleh disemak melalui laman sesawang www.motac.gov.my.

Berkenaan dengan hasil siasatan polis, status siasatan dan hasil tindakan kes ini adalah wajar diperjelaskan sendiri oleh kementerian yang berkaitan memandangkan siasatan polis adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN). Berkenaan dengan tindakan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK), adalah dimaklumkan bahawa kementerian telah menerima satu aduan daripada mangsa kejadian iaitu ibu dan bapa pengadu dan aduan tersebut dikemukakan oleh anak mangsa, pihak ketiga (*third party*), ya dan bukannya terus daripada mangsa kejadian pada 27 Mac 2017.

Sejurus mendapat aduan tersebut, kementerian ini melalui Pejabat KPK Negeri Perak telah mengambil tindakan dengan mengarahkan pihak syarikat untuk mengemukakan penjelasan mengenai insiden tersebut melalui surat tunjuk sebab bertarikh 30 Mac 2017 dalam tempoh masa 14 hari, tetapi tiada sebarang maklum balas yang diterima. Selanjutnya, Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri

Perak, Pejabat Motac telah membuat serbuan ke atas premis syarikat pada 20 April 2017 dan sekali lagi pada 5 Mei 2017 susulan syarikat telah ditutup semasa serbuan pertama. Namun, pemeriksaan kali kedua telah mendapati premis tersebut telah terus tutup dan tidak lagi beroperasi. Pada 9 Mei 2017, pengadu telah menarik semula aduannya.

Walaupun pengadu telah menarik semula aduan, kementerian masih lagi meneruskan siasatan ke atas syarikat Syarikat Orange Harmony Tours Sendirian Berhad untuk dikenakan tindakan sewajarnya termasuk pembatalan lesen serta menyenaraihitamkan ahli lembaga pengarah dan pemegang saham syarikat dari mendapatkan lesen pelancongan yang baru atau mengambil alih syarikat yang baru. Seperti mana yang telah dimaklumkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur, kementerian sentiasa membuat pemantauan, penguatkuasaan dan siasatan terhadap kes-kes penipuan melibatkan orang awam yang menjadi mangsa dan diperdaya oleh Agensi Pelancongan dan Syarikat Pelancongan.

■1440

Berdasarkan kepada rekod kementerian ini, kes-kes yang telah disiasat dan sedang diambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] di atas pelbagai kesalahan penipuan dan penyelewengan sejak tahun 2013 hingga kini adalah seperti berikut:

No.	Tahun	Bilangan Kes
1.	2013	23
2.	2014	15
3.	2015	7
4.	2016	26
5.	September 2017	18

Berdasarkan statistik ini, jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh kementerian, melibatkan kes-kes yang telah disabitkan kesalahan adalah berjumlah RM499,000. Manakala sebanyak 38 kes telah pun dibawa ke mahkamah untuk tindakan pendakwaan. Antara kesalahan pelanggaran utama di bawah Akta 482 adalah:

- (i) kesalahan bekerjasama dengan agensi tanpa lesen;
- (ii) kesalahan menjalankan perniagaan sebagai agensi pelancongan tanpa lesen; dan
- (iii) membuka cawangan tanpa lesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian bertanggungjawab menguatkuasakan Akta 482 dalam memastikan keteraturan industri pelancongan Malaysia dengan menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawahnya termasuklah mengambil tindakan ke atas kesalahan di bawah kod etika, mengenakan tindakan denda, pendakwaan dan pembatalan lesen perniagaan agensi pelancongan berkaitan sekiranya sabit kesalahan demi menjaga kepentingan industri pelancongan dan orang awam.

Selain itu, rakan-rakan strategik kementerian yang turut mengambil tindakan terhadap kes-kes penipuan seumpama ini adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berdasarkan peruntukan kuasa perundangan setiap agensi kerajaan tersebut. Penipuan dengan niat iaitu bersifat jenayah komersial seperti menjual pakej pelancongan yang tidak wujud atau palsu untuk mendapatkan wang daripada mangsa adalah disiasat dan diambil tindakan oleh PDRM berdasarkan Kanun Keseksaan.

Manakala penipuan bersifat kepenggunaan seperti pakej pelancongan yang tidak sama seperti dijanjikan atau pelanggaran kontrak perkhidmatan agensi pelancongan dengan pelancong kendaliannya boleh diambil tindakan di bawah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), KPDNKK yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Pindaan) 2010.

Dalam usaha memerangi gejala penipuan dan penyelewengan oleh agensi pelancongan, kementerian telah pun menjalankan 14 siri kempen kesedaran kepada orang awam di seluruh negara. Bagi tahun ini, fokus utama kempen adalah untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai hak kepenggunaan dalam membanteras penipuan pakej Umrah bersama dengan rakan-rakan strategik daripada PDRM dan TTPM. Berlandaskan Strategi Lautan Biru Nasional ini, pihak kementerian telah berjaya meningkatkan kesedaran orang awam agar sentiasa berwaspada dan lebih berhati-hati dalam memilih pakej Umrah mahupun syarikat pelancongan yang sah.

Di samping itu, orang ramai turut didedahkan kepada peranan PDRM dalam membanteras penipuan oleh entiti yang memang berniat membuat penipuan (*scam*) di bawah kategori jenayah komersial dan meningkatkan pengetahuan berkenaan hak mereka selaku pengguna yang disampaikan oleh TTPM. Melihat kepada keberkesanan kempen ini, pihak kementerian bercadang untuk memperluaskan skop kempen pada tahun hadapan kepada pakej-pakej pelancongan lain selain umrah agar ianya dapat memberi manfaat yang lebih menyeluruh kepada orang awam.

Selain itu, kementerian turut bercadang untuk meningkatkan kadar-kadar penalti di atas kesalahan sedia ada di bawah Akta 482. Peningkatan kadar penalti iaitu denda dan penjara yang dalam proses pindaan ini amat kritikal agar ia lebih relevan dengan keadaan semasa dan mencapai objektifnya yang bertindak sebagai pencegah pelanggaran undang-undang dalam mendidik semua pihak khususnya para penggiat industri agar mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa. Yang Berhormat, saya hendak nasihatkan kepada orang-orang yang hendak beli pakej ini, sila siasatkan syarikat itu dalam *website* kita. Itu *basic*. Kalau dia tidak dibenarkan untuk menjual pakej ke luar negara, maka janganlah berurusan dengan mereka, ya.

Pada masa yang sama, kementerian turut membuat pindaan terhadap Peraturan-peraturan di bawah kuasa Pesuruhjaya Pelancongan yang turut diperkemas di samping meningkatkan elemen pemantauan dan penguatkuasaan melalui sistem atas talian yang lebih berkesan, terutamanya dalam pengendalian ibadah umrah dan ziarah. Sekian, terima kasih.

2.46 ptg.

Penipuan dan Modus Operandi Syarikat Sunner Group International Berhad

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima lebih daripada 80 aduan daripada pembeli berkenaan pelan pelaburan dan perniagaan mesin *vending* jalur lebar mudah alih (WiFi) yang dianjurkan oleh Syarikat Sunner Group International Berhad (MYCOID:1033320-H) yang beralamat 19A-31-3A, Business Centre, Nombor 19, Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan yang telah menipu pembeli dengan jumlah wang yang besar antara RM26,000 hingga RM31,000.

Orang awam menerima panggilan telefon daripada syarikat tersebut walaupun mereka tidak pernah mempunyai urusan dengan syarikat tersebut. Ini adalah satu penyalahgunaan data peribadi orang ramai.

Sunner Group menjalankan modus operandi menghubungi orang awam dengan menawarkan pakej promosi percutian percuma, serta orang awam yang dihubungi diminta untuk hadir ke sebuah hotel untuk sesi taklimat pakej promosi percutian tersebut. Namun sesi taklimat pakej promosi percutian yang dijanjikan oleh syarikat berkenaan berubah menjadi satu sesi pembentangan pelaburan dan perniagaan mesin *vending* jalur lebar mudah alih (WiFi).

Sunner Group telah menawarkan satu pelan pelaburan dan perniagaan

perkhidmatan mesin jalur lebar layan diri dengan mengenakan caj serendah RM1 bagi 30 minit akses jaringan jalur lebar. *Wakil Sunner Group* menyatakan mesin berkenaan mampu memberi pulangan yang lumayan kepada pembeli, antara RM3,000 hinggalah RM7,000 sebulan, untuk membeli mesin jalur lebar ini daripada syarikat berkenaan dengan harga mesin tersebut sekitar RM26,000 hingga RM31,000. Bukan setakat itu sahaja, syarikat berkenaan berjanji akan menempatkan mesin berkenaan di lokasi tumpuan orang ramai semasa sesi pembentangan.

Walaupun pembayaran telah dibuat oleh pembeli dengan jumlah wang yang besar berhubung pelan pelaburan dan perniagaan yang ditawarkan, kebanyakan pembeli masih belum menerima mesin yang dibeli dan perjanjian pembelian yang ditandatangani didapati berat sebelah serta berbeza dengan tawaran yang dijanjikan oleh kakitangan syarikat berkenaan semasa sesi pembentangan. Syarikat berkenaan dipercayai sudah beberapa tahun beroperasi dengan menjalankan modus operandi sama iaitu menarik pembeli dengan menawarkan pakej promosi percutian. Sebanyak 50 laporan polis yang sudah dibuat oleh pembeli di sekitar negara ke atas syarikat berkenaan.

Justeru itu, saya berharap agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dapat melakukan siasatan yang terperinci dan mengambil tindakan yang tegas kepada syarikat berkenaan dari terus menerus menggunakan modus operandi sama menipu orang ramai. Sekian sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2.49 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kulai. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menerima sebanyak 63 aduan berhubung dengan kegagalan membekalkan mesin *vending* jalur lebar mudah alih (WiFi) seperti yang dijanjikan oleh Syarikat Sunner Group International Berhad.

Pengadu telah membuat laporan polis bahawa mereka ditipu oleh syarikat tersebut kerana:

- (i) tidak mendapat mesin seperti yang dijanjikan oleh syarikat *Sunner Group International* Berhad. walaupun bayaran penuh telah dijelaskan;
- (ii) penempatan lokasi mesin tersebut tidak seperti yang dijanjikan;

- (iii) mesin yang diterima tidak berfungsi dengan baik; dan
- (iv) lingkungan (*radius*) penerimaan wifi tidak seperti yang dijanjikan iaitu kurang dari 150 meter.

■1450

Kajian telah dibuat ke atas semua 63 laporan polis yang dikemukakan oleh pengadu dan mendapati:

- (i) aduan ini tidak boleh diambil tindakan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 kerana pengadu bukan pengguna (*end user*) tetapi pembelian yang dibuat lebih untuk tujuan perdagangan;
- (ii) elemen jualan langsung sukar dibuktikan dengan jelas dan terdapat isu *traceability* modus operandi “panggilan telefon” kerana pihak *telco* hanya menyimpan rekod panggilan bagi tempoh tiga hingga enam bulan; dan
- (iii) siasatan ke atas syarikat turut dijalankan dan mendapati bahawa syarikat berkenaan tidak menjalankan modus operandi jualan langsung dan aduan yang disiasat adalah lebih kepada unsur-unsur penipuan di mana ianya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu penyalahgunaan data peribadi orang ramai, ianya merupakan perkara di bawah bidang kuasa Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang dikawal selia melalui Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 16 November 2017. Terima kasih.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.52 petang]